

SOALAN NO.: 45

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH**

SOALAN:

YB. DR. AZMAN BIN ISMAIL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai semua bantuan atau perbelanjaan bagi menyelenggarakan jalan di negeri Kedah dari Kerajaan Persekutuan bagi 3 tahun terakhir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan disenggara dengan baik untuk memberikan keselesaan dan jalan yang selamat kepada pengguna jalan raya.

Jumlah peruntukan yang diluluskan untuk program penyenggaraan Jalan Persekutuan Negeri Kedah bagi tiga tahun terakhir adalah seperti berikut:

- a) Tahun 2017 berjumlah RM 42.6 juta (sehingga bulan Oktober 2017);
- b) Tahun 2016 berjumlah RM 31.5 juta; dan
- c) Tahun 2015 berjumlah RM 47.0 juta.

Sekian, terima kasih.